

FIQH WATAN SEBAGAI KERANGKA GOVERNAN ISLAM KONTEKSTUAL: ANALISIS APLIKASI FIQH TERHADAP KOMUNITI MELAYU DAN ORANG ASLI DI PAHANG

FIQH WATAN AS A CONTEXTUAL ISLAMIC GOVERNANCE FRAMEWORK: AN ANALYSIS OF THE APPLICATION OF FIQH TO MALAY AND ORANG ASLI COMMUNITIES IN PAHANG

Paiz Hassan^{1*}
Rahimin Affandi Abd Rahim²
Azman Yusof³
Ibrahim Majdi Mohd Kamil⁴
Amran Muhammad⁵
Muhd Imran Abd Razak⁶

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia. (E-mail: paiz4186@uitm.edu.my).

² Perbadanan Muzium Negeri Pahang, Perbadanan Muzium Negeri Pahang, (Muzium Pahang), Jalan Sultan Ahmad, Kampung Pancur, 26600 Pekan, Pahang, Malaysia. (E-mail: faqir_ila_rabbih@um.edu.my)

³ Universiti Kuala Lumpur MICET, Pusat Islam Universiti Kuala Lumpur (UNIKL-MICET), Lot 1988, Kawasan Perindustrian Bandar Vendor, Taboh Naning, 78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia. (E-mail: azmanyusof@unikl.edu.my).

⁴ Universiti Sains Malaysia, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Bahagian Falsafah dan Tamadun, Universiti Sains Malaysia (USM), 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia. (E-mail: ibrahimmajdi@usm.my)

⁵ Institut Ilmu Darul Makmur - Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (IIDM-MUIP), Institut Ilmu Darul Makmur MUIP Education Sdn.Bhd. Tingkat 2, Lot 2-13, Mahkota Square, Jalan Mahkota, 25000 Kuantan, Pahang, Malaysia. (E-mail: institutilmudarulmakmur@gmail.com)

⁶ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia. (E-mail: imranrazak@uitm.edu.my)

*Corresponding author

Article history

Received date : 19-2-2026
Revised date : 20-2-2026
Accepted date : 4-3-2026
Published date : 25-3-2026

To cite this document:

Hassan, P., Abd Rahim, R. A., Yusof, A., Mohd Kamil, I. M., Muhammad, A., & Abd Razak, M. I. (2026). Fiqh watan sebagai kerangka governan Islam kontekstual: Analisis aplikasi fiqh terhadap komuniti Melayu dan Orang Asli di Pahang. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (81), 298 – 316.

Abstrak: *Perbincangan mengenai aplikasi fiqh Islam dalam masyarakat kontemporari sering berdepan cabaran apabila hukum dilaksanakan secara seragam tanpa mengambil kira kepelbagaian realiti sosial masyarakat majmuk. Dalam banyak keadaan, pendekatan ini mengabaikan perbezaan struktur sosial, tahap istita'ah, 'urf dan keupayaan sebenar komuniti, sekali gus berisiko menjejaskan keadilan substantif. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan membangunkan dan menilai Fiqh Watan sebagai satu kerangka governan Islam yang kontekstual melalui analisis perbandingan aplikasi fiqh terhadap komuniti Melayu arus perdana dan komuniti Orang Asli di Negeri Pahang. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis konsep dan sorotan literatur terpilih, termasuk karya fiqh klasik yang*

berasaskan maqasid al-syari'ah, pemikiran undang-undang Islam moden serta kajian antropologi Islam di Asia Tenggara. Analisis dilakukan dengan melihat fiqh sebagai satu sistem nilai dan tadbir urus sosial, bukan sekadar peraturan hukum individu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan fiqh yang berkesan dalam komuniti dominan tidak semestinya adil apabila diaplikasikan kepada komuniti yang berstruktur lemah seperti Orang Asli. Sehubungan itu, artikel ini menegaskan bahawa komuniti Orang Asli perlu dilihat sebagai ujian kritikal terhadap teori fiqh dan model governan Islam. Sebagai respons, Fiqh Watan dicadangkan sebagai pendekatan fiqh yang tidak membebankan, dilaksanakan secara berperingkat, mengambil kira adat dan realiti setempat, serta berorientasikan pemeraksanaan sosial. Kajian ini menyumbang kepada perbincangan fiqh dan governan Islam dengan mengemukakan satu kerangka yang sesuai untuk masyarakat majmuk dan konteks pascakolonial.

Kata Kunci: *Fiqh Watan; Fiqh Orang Asli; Governan Islam; Maqasid al-Syari'ah; Keadilan Kontekstual; Masyarakat Majmuk; Pahang*

Abstract: *Discussions on the application of Islamic jurisprudence (fiqh) in contemporary societies often face challenges when legal rulings are implemented uniformly without due consideration of the diverse social realities of plural communities. In many cases, this approach overlooks differences in social structure, levels of istita'ah (capacity), 'urf (custom), and the actual capabilities of communities, thereby risking substantive injustice. Accordingly, this article aims to develop and evaluate Fiqh Watan as a contextual framework of Islamic governance through a comparative analysis of fiqh application among the Malay mainstream community and the Orang Asli community in the state of Pahang. This study adopts a qualitative approach through conceptual analysis and a selective review of the literature, including classical fiqh works grounded in maqasid al-shari'ah, contemporary Islamic legal thought, and anthropological studies of Islam in Southeast Asia. The analysis examines fiqh as a system of values and social governance, rather than merely a set of individual legal rules. The findings indicate that fiqh approaches which function effectively within dominant communities are not necessarily just when applied to structurally vulnerable communities such as the Orang Asli. In this regard, the article argues that Orang Asli communities should be viewed as a critical test of fiqh theory and Islamic governance models. In response, fiqh Watan is proposed as a non-burdensome and gradual approach to Islamic jurisprudence that takes into account local customs and contextual realities, and is oriented towards social empowerment. This study contributes to the discourse on fiqh and Islamic governance by offering a framework that is suitable for plural societies and postcolonial contexts.*

Keywords: *Fiqh Watan; Indigenous fiqh; Islamic Governance; Maqasid al-Shari'ah; Contextual Justice; Plural Society; Malaysia*

Pengenalan

Perbincangan mengenai *fiqh* Islam dalam konteks masyarakat kontemporari semakin memperlihatkan ketegangan yang ketara antara keseragaman normatif hukum dan kepelbagaian realiti sosial masyarakat. Dalam banyak keadaan, *fiqh* diaplikasikan sebagai sistem peraturan yang bersifat umum dan seragam, seolah-olah semua komuniti memiliki struktur sosial, tahap ekonomi, latar budaya dan keupayaan yang setara (Al-Alwani, 2005). Pendekatan sedemikian bukan sahaja menimbulkan kesukaran praktikal dalam pelaksanaan hukum, malah berpotensi menjejaskan prinsip keadilan yang menjadi teras utama syariah Islam (Kamali, 2008).

Dalam tradisi *fiqh* Islam klasik, hukum tidak pernah difahami sebagai sistem yang terpisah daripada realiti kehidupan manusia (Ibn 'Abd al-Salam, 1999). Al-Syatibi (2004) menegaskan bahawa syariah diturunkan bagi merealisasikan *maqasid al-syari'ah*, iaitu pemeliharaan *maslahah* dan pengangkatan kesukaran (*raf' al-haraj*). Prinsip ini menunjukkan bahawa keadilan syariah tidak terletak pada pematuhan formal semata-mata, tetapi pada keupayaan hukum untuk berfungsi secara bermakna dalam kehidupan manusia yang sebenar.

Namun demikian, dalam praktik kontemporari, *fiqh* sering difungsikan secara legalistik dan berorientasikan penguatkuasaan, khususnya apabila diaplikasikan terhadap komuniti yang berada di luar arus perdana sosial. Kecenderungan ini menjadi lebih ketara dalam konteks masyarakat majmuk, seperti di Malaysia, khususnya di Negeri Pahang yang menempatkan komuniti Melayu Islam sebagai majoriti serta komuniti Orang Asli yang memiliki struktur sosial, ekonomi dan kosmologi kehidupan yang berbeza secara signifikan. Penggunaan kerangka *fiqh* yang dibangunkan berasaskan pengalaman masyarakat dominan secara langsung ke atas komuniti Orang Asli berisiko menghasilkan ketidakadilan substantif, kerana perbezaan *istita'ah* (keupayaan), *'urf* dan struktur kehidupan mereka tidak diambil kira secara memadai (Hassan, 2020 ; Bowen, 2012).

Dalam konteks inilah konsep *Fiqh Watan* dicadangkan sebagai satu pendekatan *fiqh* yang berpaksikan wilayah (*watan*), realiti sosial setempat dan tanggungjawab governan Islam. *Fiqh Watan* tidak menolak prinsip universal Islam dari sudut akidah dan nilai, tetapi menegaskan bahawa aplikasi hukum mesti dibentuk secara kontekstual, berperingkat dan berempati, agar keadilan syariah dapat direalisasikan secara substantif dalam kehidupan masyarakat majmuk. Walaupun wacana *maqasid al-syari'ah* dan keperluan kontekstualisasi *fiqh* telah lama dibincangkan dalam literatur Islam, masih wujud jurang yang ketara antara teori *fiqh* dan praktik governan Islam, khususnya di peringkat negeri. *Fiqh* sering difahami sebagai sistem hukum individu, sedangkan dimensi governan iaitu peranan negara dalam mengurus kepelbagaian sosial, menangani kelemahan struktur dan melindungi *maslahah* komuniti kurang diberikan perhatian secara sistematik (Hallaq, 2009).

Dalam konteks Negeri Pahang, ketiadaan satu kerangka *fiqh* tempatan yang jelas dan bersepadu berisiko melahirkan beberapa permasalahan utama. Antaranya ialah aplikasi *fiqh* yang bersifat seragam tanpa mengambil kira perbezaan struktur dan keupayaan komuniti; pendekatan penguatkuasaan agama yang cenderung menghukum kelemahan struktur sosial; penilaian kepatuhan agama berdasarkan standard masyarakat dominan semata-mata; serta kegagalan memanfaatkan *fiqh* sebagai instrumen pemeraksanaan sosial dan pembangunan insan (Kamil, 2025).

Kesemua permasalahan ini menunjukkan keperluan mendesak untuk membangunkan satu kerangka *fiqh* yang bukan sahaja sah dan kukuh dari sudut epistemologi Islam, tetapi juga

operasional dalam konteks governan negeri yang majmuk. Tanpa kerangka sedemikian, *fiqh* berisiko kehilangan peranannya sebagai sistem keadilan, rahmah dan tadbir urus sosial.

Sejajar dengan permasalahan yang dikemukakan, kajian ini bertujuan untuk menganalisis asas epistemologi dan prinsip teras *Fiqh* Watan sebagai satu kerangka governan Islam kontekstual. Selain itu, kajian ini membandingkan aplikasi *fiqh* terhadap komuniti Melayu dan komuniti Orang Asli di Negeri Pahang bagi menilai bagaimana perbezaan struktur sosial dan keupayaan mempengaruhi bentuk pelaksanaan hukum. Kajian ini juga menilai implikasi *Fiqh* Watan terhadap model governan Islam negeri, khususnya dalam aspek dasar agama, dasar sosial dan pendekatan dakwah.

Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini dipandu oleh beberapa soalan utama. Pertama, apakah asas teori dan epistemologi *Fiqh* Watan sebagai kerangka governan Islam kontekstual? Kedua, bagaimanakah aplikasi *fiqh* berbeza mengikut struktur sosial dan keupayaan komuniti Melayu dan Orang Asli di Negeri Pahang? Ketiga, apakah implikasi *Fiqh* Watan terhadap tadbir urus Islam dan pembentukan dasar negeri dalam konteks masyarakat majmuk?

Sorotan Literatur

Fiqh Sebagai Sistem Moral Dan Sosial Dalam Tradisi Islam

Dalam literatur *fiqh* Islam klasik dan moden, hukum tidak pernah difahami secara terpisah daripada dimensi moral dan sosial kehidupan manusia. *Fiqh*, dalam pengertiannya yang lebih luas, berfungsi sebagai kerangka normatif yang membimbing hubungan manusia dengan Tuhan, sesama manusia dan struktur sosial yang menaungi kehidupan mereka. Perspektif ini menolak pemahaman *fiqh* sebagai sistem peraturan mekanikal semata-mata, sebaliknya menekankan peranannya sebagai sistem nilai yang hidup dan berfungsi dalam realiti masyarakat (Abdullah, 2018; Nurul Ain, 2024).

Al-Syatibi (2004) menegaskan bahawa syariah diturunkan bagi merealisasikan *maqasid al-syari'ah*, iaitu pemeliharaan *maslahah* dan penolakan *mafsadah* dalam kehidupan manusia. Prinsip ini menggariskan bahawa keberkesanan hukum Islam tidak diukur berdasarkan keseragaman pelaksanaan, tetapi berdasarkan keupayaannya untuk memenuhi tujuan moral dan sosial syariah. Oleh itu, *fiqh* secara asasnya bersifat kontekstual, kerana *maslahah* dan *mafsadah* sentiasa terikat dengan keadaan sosial dan sejarah tertentu.

Pemahaman ini diperkukuh dalam wacana undang-undang Islam moden yang menegaskan bahawa *fiqh* harus dilihat sebagai sistem moral yang beroperasi dalam ruang sosial dan politik, bukan sekadar sebagai kod perundangan formal (Hallaq, 2009). Dalam konteks ini, *fiqh* berfungsi sebagai panduan normatif kepada tindakan individu dan institusi, termasuk institusi governan, dalam mengurus kehidupan masyarakat secara adil.

Maqasid al-Syari'ah dan Prinsip Keadilan Kontekstual

Wacana *maqasid al-syari'ah* memainkan peranan penting dalam memahami keanjalan dan dinamisme *fiqh* Islam. Pendekatan *maqasid* menegaskan bahawa hukum Islam tidak boleh dinilai secara terpisah daripada tujuan-tujuan asasnya, iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Abu Zahrah, 2003). Kerangka ini membolehkan *fiqh* berfungsi secara adaptif dalam pelbagai konteks sosial tanpa menjejaskan prinsip teras syariah.

Dalam tradisi *fiqh* Islam klasik, *maqasid al-syari'ah* dibangun untuk memastikan hukum Islam berfungsi untuk merealisasikan kemaslahatan manusia dan menolak kemudaratan. Al-Shātibī menegaskan bahwa tujuan utama syariah bukan sekadar pelaksanaan literal hukum, tetapi pencapaian keadilan dan kesejahteraan manusia dalam realiti kehidupan sebenar. Oleh itu, keadilan syariah tidak terletak pada keseragaman pelaksanaan hukum semata-mata, tetapi pada keupayaan hukum untuk berfungsi secara bermakna dalam konteks sosial yang berbeza (Al-Syatibi, 2004).

Pemikiran ini kemudiannya diperkukuhkan oleh Ibn 'Asyur yang menekankan bahawa *maqasid al-syari'ah* perlu difahami sebagai asas penilaian hukum dalam menghadapi perubahan zaman dan realiti masyarakat. Menurut beliau, keadilan dalam syariah menuntut keseimbangan antara tuntutan normatif hukum dan keadaan sebenar masyarakat, agar hukum tidak membawa kesukaran atau ketidakadilan yang bercanggah dengan tujuan asal syariah (Ibn 'Asyur, 2006).

Dalam konteks masyarakat majmuk yang memperlihatkan jurang ketara dari segi keupayaan struktur, tahap pendidikan dan akses kepada institusi sokongan, pendekatan *maqasid* ini menjadi sangat penting. Tanpa kerangka *maqasid* yang berfungsi secara kontekstual, *fiqh* berisiko diaplikasikan secara kaku dan berorientasikan prosedur semata-mata, sekali gus berpotensi menghasilkan ketidakadilan substantif. Oleh itu, prinsip keadilan kontekstual dalam *maqasid al-syari'ah* menuntut agar kesan sebenar pelaksanaan hukum terhadap kesejahteraan masyarakat dijadikan ukuran utama dalam penilaian keadilan hukum Islam (Al-Raysuni, 1995).

Governan Islam dan Peranan Negara sebagai Penjaga Masalah

Literatur governan Islam secara konsisten menegaskan bahawa *fiqh* tidak boleh difahami secara terpisah daripada peranan negara dan institusi pemerintahan. Dalam tradisi Islam, kuasa politik bukan sekadar instrumen pentadbiran, tetapi suatu amanah syarie yang bertujuan menjaga maslahat awam, mengatur kehidupan sosial dan memastikan keadilan ditegakkan secara menyeluruh. Justeru, pelaksanaan hukum tidak boleh dibatasi kepada aspek prosedural dan perundangan semata-mata, sebaliknya perlu disokong oleh struktur sosial, ekonomi dan institusi yang memungkinkan hukum tersebut berfungsi secara adil dan berkesan.

Al-Mawardi (1996) menjelaskan bahawa tugas utama pemerintah merangkumi penjagaan agama dan pengurusan urusan dunia masyarakat, termasuk keselamatan, kebajikan serta kestabilan sosial. Kerangka ini menunjukkan bahawa negara berperanan sebagai penjaga struktur sosial yang membolehkan hukum Islam dilaksanakan dalam suasana yang adil dan teratur, bukan sekadar sebagai pihak yang melaksanakan perintah hukum secara literal. Dalam erti kata lain, keberkesanan *fiqh* bergantung secara langsung kepada keupayaan negara membina prasyarat sosial yang kondusif kepada pelaksanaan hukum.

Dalam konteks moden, pemahaman terhadap hubungan antara *fiqh* dan governan Islam turut dikembangkan melalui analisis kritikal terhadap peranan syariah dalam mengawal kuasa politik. Hallaq (2009) berhujah bahawa syariah secara asasnya berfungsi sebagai sistem moral yang membimbing dan mengehadkan kuasa governan, bukannya sekadar satu set peraturan undang-undang negara. Dari perspektif ini, masalah sosial seperti kemiskinan, marginalisasi dan ketiadaan akses kepada pendidikan tidak boleh ditafsir sebagai kegagalan moral individu semata-mata, tetapi sebagai isu struktur yang memerlukan campur tangan institusi dan dasar awam yang berteraskan nilai keadilan dan *maslahah*.

Oleh itu, pendekatan governan Islam yang terlalu berorientasikan penguatkuasaan hukum berisiko menyalahi tujuan syariah apabila ia mengabaikan realiti struktur sosial masyarakat. Sebaliknya, governan Islam yang selari dengan roh *fiqh* menuntut pendekatan yang empatik, berperingkat dan bersifat pemeraksanaan, di mana pembangunan insan, pengurangan ketidaksetaraan sosial dan pembinaan keupayaan komuniti dilihat sebagai prasyarat penting kepada pelaksanaan hukum yang adil. Dalam kerangka ini, *fiqh* berfungsi bukan sekadar sebagai alat kawalan sosial, tetapi sebagai instrumen transformasi sosial yang bertujuan mewujudkan keadilan substantif dalam kehidupan masyarakat.

***Fiqh*, 'Urf dan Kepelbagaian Sosial di Alam Melayu**

Sorotan literatur mengenai Islam di Asia Tenggara menunjukkan bahawa *fiqh* sentiasa berinteraksi dengan 'urf dan realiti budaya tempatan. Di Alam Melayu, Islam berkembang melalui proses penyesuaian yang kompleks antara prinsip syariah dan struktur sosial setempat, termasuk adat, kosmologi dan hubungan komuniti dengan alam sekitar (Bowen, 2012).

Hooker (2003) menunjukkan bahawa amalan *fiqh* di Asia Tenggara tidak boleh difahami tanpa mengambil kira peranan 'urf dan autoriti sosial tempatan. Pendekatan ini menolak anggapan bahawa *fiqh* yang sah mestilah identik dengan bentuk pelaksanaan di wilayah lain, sebaliknya menegaskan bahawa keabsahan *fiqh* bergantung kepada keupayaannya berfungsi secara bermakna dalam konteks sosial tertentu.

Dalam konteks komuniti Orang Asli, kepelbagaian 'urf dan struktur kehidupan menuntut pendekatan *fiqh* yang lebih sensitif dan berperingkat. Kegagalan mengiktiraf dimensi ini berisiko menjadikan *fiqh* sebagai sistem asing yang tidak berakar dalam kehidupan komuniti, sekali gus menjejaskan tujuan dakwah dan keadilan sosial (Paiz, 2023).

Kerangka Teoretikal *Fiqh* Watan

Berdasarkan sorotan literatur ini, *Fiqh* Watan dibangunkan sebagai satu kerangka teoretikal yang mengintegrasikan *maqasid al-syari'ah*, realiti sosial setempat, 'urf watan dan tanggungjawab governan Islam. *Fiqh* Watan berfungsi sebagai jambatan antara teori *fiqh* normatif dan keperluan praktikal tadbir urus dalam masyarakat majmuk.

Kerangka ini menegaskan bahawa keadilan syariah hanya dapat direalisasikan apabila *fiqh* diaplikasikan secara kontekstual, berperingkat dan berorientasikan pemeraksanaan, khususnya dalam komuniti berstruktur sosial lemah. Dalam konteks kajian ini, *Fiqh* Watan menyediakan asas teori untuk menganalisis perbezaan aplikasi *fiqh* terhadap komuniti Melayu dan Orang Asli di Negeri Pahang, serta menilai implikasinya terhadap model governan Islam negeri.

Dengan memposisikan komuniti Orang Asli sebagai ujian kritis epistemologi, *Fiqh* Watan bukan sahaja berfungsi sebagai kerangka analisis tempatan, tetapi juga menyumbang kepada perbincangan global tentang keadilan, pluraliti dan governan dalam Islam kontemporari.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berasaskan analisis konseptual dan analisis literatur bagi membangunkan serta menilai *Fiqh* Watan sebagai satu kerangka governan Islam yang kontekstual. Pendekatan kualitatif dipilih kerana objektif kajian tidak bertujuan mengukur tahap pematuhan hukum secara kuantitatif, sebaliknya untuk memahami makna, fungsi dan implikasi *fiqh* dalam realiti sosial masyarakat majmuk. Pendekatan ini membolehkan *fiqh* dianalisis sebagai sistem nilai dan governan yang hidup, bukannya sebagai set peraturan normatif yang terpisah daripada konteks sosial.

Reka bentuk kajian ini bersifat teoretikal-analitikal, dengan meneliti teks-teks *fiqh* klasik serta pemikiran undang-undang Islam moden secara kritikal, kemudian menghubungkannya dengan konteks governan negeri dan struktur sosial masyarakat di Negeri Pahang. Melalui pendekatan ini, kajian berupaya menilai *fiqh* bukan sekadar sebagai norma hukum, tetapi sebagai sistem moral dan tadbir urus yang beroperasi dalam ruang sosial tertentu dan dipengaruhi oleh struktur kuasa, institusi serta realiti kehidupan masyarakat (Hallaq, 2009). Pendekatan ini juga membolehkan kajian mengelakkan reduksionisme legalistik dan memberi ruang kepada pemahaman *fiqh* yang lebih menyeluruh, berperingkat dan berorientasikan *maqasid al-syari'ah*. Sumber data kajian ini diperoleh melalui analisis literatur terpilih yang merangkumi tiga kategori utama. Pertama, karya *fiqh* dan usul *fiqh* klasik yang menekankan pendekatan *maqasid al-syari'ah* sebagai asas keadilan dan keadilan hukum. Karya-karya ini menyediakan landasan normatif untuk memahami tujuan syariah serta prinsip pengangkatan kesukaran dalam pelaksanaan hukum. Kedua, karya undang-undang Islam moden yang membincangkan hubungan antara *fiqh*, moral dan governan, termasuk peranan negara sebagai penjaga masalah awam dan pengurus kepelbagaian sosial. Ketiga, kajian antropologi dan sosiologi Islam yang meneliti interaksi antara hukum Islam dan realiti sosial, khususnya dalam konteks Asia Tenggara dan masyarakat majmuk (Bowen, 2012).

Analisis data dalam kajian ini dijalankan melalui gabungan analisis tematik dan analisis konseptual. Melalui analisis ini, tema-tema utama berkaitan keadilan, *maqasid al-syari'ah*, *'urf*, *istita'ah* serta peranan governan Islam dikenal pasti dan diuraikan secara kritikal. Tema-tema tersebut kemudian dianalisis secara perbandingan bagi memahami bagaimana *fiqh* diaplikasikan dalam konteks komuniti yang berbeza dari segi struktur sosial dan keupayaan.

Berdasarkan sintesis analisis ini, Fiqh Watan dibangunkan sebagai satu kerangka teoretikal yang mengintegrasikan tiga lapisan utama. Lapisan pertama ialah prinsip normatif syariah yang berasaskan *maqasid al-syari'ah*. Lapisan kedua merangkumi realiti sosial setempat, termasuk *'urf*, struktur ekonomi dan tahap keupayaan komuniti. Lapisan ketiga pula ialah peranan institusi governan dalam memediasi hubungan antara hukum dan masyarakat. Kerangka ini seterusnya digunakan sebagai alat analisis bagi membandingkan aplikasi *fiqh* terhadap komuniti Melayu dan komuniti Orang Asli di Negeri Pahang, sekali gus menilai bukan sahaja kesahihan normatif sesuatu aplikasi *fiqh*, tetapi juga keberkesanan dan keadilannya dalam konteks kehidupan sebenar.

Analisis Perbandingan Aplikasi *Fiqh* Terhadap Komuniti Melayu Dan Orang Asli

Struktur Sosial dan *Istita'ah* Sebagai Asas Perbezaan Aplikasi *Fiqh*

Analisis perbandingan ini bermula dengan pengiktirafan bahawa aplikasi *fiqh* tidak berlaku dalam ruang kosong, sebaliknya sentiasa terikat **dengan** struktur sosial dan tahap *istita'ah* (keupayaan) sesuatu komuniti (Siti Fatimah, 2015). Komuniti Melayu Islam di Negeri Pahang secara umumnya memiliki struktur sosial yang lebih stabil, termasuk akses kepada pendidikan agama formal, institusi masjid, sistem perundangan syariah dan rangkaian sokongan sosial yang mapan. Struktur ini membolehkan *fiqh* diaplikasikan secara lebih menyeluruh dan berlapis, merangkumi aspek ibadah, muamalat dan etika sosial.

Sebaliknya, komuniti Orang Asli memperlihatkan struktur sosial yang berbeza secara signifikan. Keterasingan geografi, keterbatasan akses pendidikan, serta sejarah peminggiran institusi menjadikan tahap *istita'ah* komuniti ini tidak setara dengan masyarakat dominan (Paiz, 2020). Dalam konteks ini, penerapan *fiqh* secara seragam berisiko menyalahi prinsip keadilan

syariah kerana ia mengabaikan realiti keupayaan sebenar komuniti (Kamali, 2008). *Fiqh* Watan menegaskan bahawa perbezaan *istita'ah* bukan alasan pengecualian moral, tetapi asas normatif untuk penyesuaian aplikasi hukum.

Peranan 'Urf dan Kosmologi Kehidupan dalam Aplikasi Fiqh

Salah satu perbezaan ketara antara komuniti Melayu dan Orang Asli terletak pada peranan 'urf dan kosmologi kehidupan dalam membentuk amalan sosial dan keagamaan. Dalam komuniti Melayu, 'urf telah lama berinteraksi dengan Islam melalui proses Islamisasi berperingkat, menghasilkan bentuk amalan agama yang relatif serasi dengan struktur *fiqh* formal (Yusof, 2020). Oleh itu, *fiqh* dapat diaplikasikan dengan rujukan yang lebih langsung kepada institusi dan autoriti agama yang sedia ada.

Dalam kalangan komuniti Orang Asli pula, kosmologi kehidupan sering berakar pada hubungan erat dengan alam, komuniti kecil dan struktur sosial yang tidak berhierarki secara formal. Pendekatan *fiqh* yang mengabaikan dimensi ini berisiko menjadikan hukum sebagai sistem asing yang terpisah daripada makna kehidupan komuniti (Hassan, 2020). Literatur antropologi Islam menunjukkan bahawa keberkesanan hukum dan dakwah bergantung kepada keupayaannya untuk berinteraksi secara bermakna dengan 'urf dan struktur simbolik tempatan (Bowen, 2012; Hooker, 2003).

Fiqh Watan mengiktiraf bahawa 'urf watan bukan ancaman kepada kesucian syariah, tetapi medium yang membolehkan prinsip Islam diterjemahkan secara berkesan dalam konteks kehidupan sebenar (Ramli, 2025). Pendekatan ini menuntut kefahaman mendalam terhadap realiti budaya sebelum sebarang aplikasi hukum dilakukan.

Pendekatan Governan: Penguatkuasaan versus Pemerkasaan

Perbezaan aplikasi *fiqh* antara komuniti Melayu dan Orang Asli juga dapat dilihat melalui pendekatan governan yang digunakan. Dalam komuniti Melayu arus perdana, pelaksanaan *fiqh* sering dikaitkan dengan mekanisme penguatkuasaan formal melalui institusi perundangan dan pentadbiran agama (Rahim, 2010). Walaupun pendekatan ini berfungsi dalam konteks struktur sosial yang stabil, ia tidak semestinya sesuai untuk komuniti berstruktur lemah.

Dalam konteks Orang Asli, pendekatan penguatkuasaan berisiko menukar *fiqh* menjadi instrumen punitif yang menghukum kelemahan struktur sosial, bukannya membina kapasiti keagamaan dan sosial komuniti. Oleh itu, *Fiqh* Watan menegaskan bahawa usaha pemerkasaan perlu didahulukan sebelum penguatkuasaan dilaksanakan. Dalam keadaan ini, peranan negara dan institusi agama adalah sebagai pendamping sosial yang membantu meningkatkan pendidikan, ekonomi dan kefahaman agama masyarakat secara berperingkat (Hallaq, 2009). Pendekatan ini selari dengan prinsip governan Islam yang menekankan penjagaan *maslahah* dan penolakan *mafsadah*, khususnya dalam komuniti yang berada dalam keadaan rentan.

Penilaian Kepatuhan Agama dan Risiko Ketidakadilan Substantif

Analisis ini turut mendedahkan risiko ketidakadilan substantif apabila kepatuhan agama dinilai berdasarkan standard tunggal yang dibangunkan daripada pengalaman masyarakat dominan. Dalam komuniti Melayu, standard pematuhan tersebut relatif selari dengan realiti kehidupan mereka. Namun, apabila standard yang sama diaplikasikan kepada komuniti Orang Asli, ia berpotensi menghasilkan penilaian yang tidak adil kerana mengabaikan perbezaan keupayaan dan konteks (Hassan, 2020).

Fiqh Watan menolak penilaian kepatuhan yang disamaratakan untuk semua pihak, dan menegaskan bahawa keadilan syariah perlu mengambil kira perbezaan konteks. Dalam kerangka ini, kegagalan mematuhi beberapa aspek *fiqh* tidak boleh terus dianggap sebagai kegagalan moral. Sebaliknya, ia perlu difahami berdasarkan keadaan sosial dan tahap akses seseorang atau komuniti kepada sumber pendidikan dan bimbingan agama. Pendekatan ini membolehkan prinsip keadilan ditegakkan tanpa mengabaikan batasan moral yang jelas (Ibrahim, 2025).

Sintesis Perbandingan dan Peranan *Fiqh* Watan sebagai Kerangka Analisis

Secara keseluruhan, analisis perbandingan ini menunjukkan bahawa perbezaan aplikasi *fiqh* antara komuniti Melayu dan Orang Asli bukan mencerminkan kelemahan syariah, tetapi mendedahkan keperluan kepada kerangka analisis yang lebih kontekstual. *Fiqh* Watan berfungsi sebagai kerangka yang membolehkan perbezaan ini difahami secara sistematik dan berkeadilan.

Lebih penting, komuniti Orang Asli muncul sebagai ujian kritis terhadap teori *fiqh* dan governan Islam. Sekiranya sesuatu pendekatan *fiqh* gagal berfungsi secara adil dalam konteks komuniti ini, kegagalan tersebut menunjukkan keterbatasan teori, bukan kegagalan komuniti. Dalam hal ini, *Fiqh* Watan menyediakan asas epistemologi untuk menilai dan memperbaiki aplikasi *fiqh* agar selari dengan tujuan keadilan syariah dalam masyarakat majmuk.

Jadual 1: Matriks Perbandingan Aplikasi *Fiqh* Terhadap Komuniti Melayu dan Orang Asli (Berasaskan Kerangka *Fiqh* Watan)

DIMENSI ANALISIS FIQH	KOMUNITI MELAYU (ARUS PERDANA)	KOMUNITI ORANG ASLI	IMPLIKASI TEORETIKAL (<i>FIQH</i> WATAN)
Struktur sosial	Stabil; berinstitusi (masjid, mahkamah, pendidikan agama)	Berstruktur lemah; komuniti kecil, keterasingan geografi	<i>Fiqh</i> tidak boleh diasaskan pada prasyarat sosial tunggal
Tahap <i>istita'ah</i>	Tinggi dan relatif seragam	Rendah / tidak sekata	<i>Istita'ah</i> perlu dijadikan asas aplikasi hukum
Akses ilmu agama	Formal dan berterusan	Terhad dan tidak formal	Pengetahuan ≠ andaian kepatuhan
Bentuk aplikasi <i>fiqh</i>	Menyeluruh (ibadat, muamalat, sosial)	Terpilih, berperingkat	<i>Tadarruj</i> sebagai prinsip wajib
Pendekatan institusi	Penguatkuasaan + pendidikan	Pendidikan + pemeraksanaan	Governan rahmah menggantikan punitivisme
Penilaian kepatuhan	Berdasarkan standard formal	Berdasarkan konteks & keupayaan	Keadilan kontekstual mengatasi keseragaman

Jadual ini memperlihatkan perbezaan asas dalam struktur sosial, tahap *istita'ah* dan akses institusi antara komuniti Melayu arus perdana dan komuniti Orang Asli. Analisis ini menunjukkan bahawa aplikasi *fiqh* yang berfungsi dengan relatif baik dalam komuniti Melayu bergantung secara signifikan kepada kewujudan prasyarat sosial seperti pendidikan agama formal, institusi masjid dan sistem perundangan syariah yang mapan. Sebaliknya, ketiadaan prasyarat yang sama dalam komuniti Orang Asli mendedahkan keterbatasan pendekatan *fiqh* yang diasaskan kepada andaian keseragaman struktur sosial.

Implikasi teoretikal utama daripada jadual ini ialah bahawa *fiqh* tidak boleh diasaskan pada satu model masyarakat ideal, sebaliknya perlu mengambil kira realiti kepelbagaian struktur sosial.

Perbezaan ini mengukuhkan hujah *Fiqh* Watan bahawa *istita'ah* dan konteks sosial perlu dijadikan asas normatif dalam aplikasi hukum, bukan dianggap sebagai pengecualian luar biasa.

Jadual 2: *Fiqh* Watan Sebagai Penapis Aplikasi Hukum: Melayu Vs Orang Asli

ELEMEN FIQH	PENDEKATAN KONVENSIONAL (SERAGAM)	PENDEKATAN FIQH WATAN (KONTEKSTUAL)
Taklif	Disamaratakan	Disesuaikan dengan <i>istita'ah</i>
Ibadah	Fokus ritual formal	Fokus asas tauhid & nilai
Muamalat	Patuh struktur institusi	Disepadukan dengan realiti ekonomi
Adat ('urf)	Ditapis secara sempit	Dinilai secara substantif
Dakwah	Normatif & sehala	Dialogikal & berjangka panjang
Matlamat	Kepatuhan formal	Maslahah & pembangunan insan

Jadual di atas menampilkan peralihan paradigma daripada pendekatan *fiqh* konvensional yang seragam kepada pendekatan *Fiqh* Watan yang kontekstual. Jadual ini menunjukkan bahawa banyak elemen *fiqh* termasuk taklif, ibadah, muamalat dan dakwah sering diaplikasikan secara homogen tanpa penilaian mendalam terhadap realiti kehidupan komuniti sasaran. Dalam konteks komuniti Orang Asli, pendekatan sedemikian berisiko menukar *fiqh* menjadi sistem normatif yang sukar diakses dan tidak berfungsi secara bermakna.

Melalui lensa *Fiqh* Watan, jadual ini menegaskan bahawa *fiqh* perlu berfungsi sebagai pemudahcara kehidupan beragama, bukan sebagai mekanisme penyeragaman. Peralihan kepada pendekatan kontekstual membolehkan prinsip syariah direalisasikan secara berperingkat dan berempati, selaras dengan tujuan *maqasid al-syari'ah* untuk mengangkat kesukaran dan membina *maslahah*.

Jadual 3: Risiko Ketidakadilan Substantif Tanpa *Fiqh* Watan

SITUASI APLIKASI FIQH	KESAN KEPADA KOMUNITI MELAYU	KESAN KEPADA KOMUNITI ORANG ASLI	PENILAIAN TEORI FIQH
Standard seragam digunakan	Berfungsi relatif baik	Menindas / tidak realistik	Teori gagal secara epistemik
Penguatkuasaan didahulukan	Kawalan sosial stabil	Ketidakpercayaan institusi	<i>Fiqh</i> jadi punitif
'Urf diabaikan	Kesan minimum	Penolakan budaya	Dakwah gagal
<i>Istita'ah</i> tidak dinilai	Tidak kritikal	Ketidakadilan struktur	<i>Maqasid</i> tidak tercapai

Jadual ini mendedahkan risiko ketidakadilan substantif yang timbul apabila standard *fiqh* seragam diaplikasikan merentas komuniti tanpa penilaian struktur dan konteks. Analisis menunjukkan bahawa pendekatan yang tidak mengambil kira '*urf*, *istita'ah* dan akses institusi mungkin tidak menjejaskan komuniti Melayu secara ketara, tetapi membawa kesan yang serius terhadap komuniti Orang Asli, termasuk penolakan budaya dan ketidakpercayaan terhadap institusi agama.

Jadual ini mengukuhkan hujah bahawa kegagalan *fiqh* dalam konteks komuniti berstruktur lemah bukan mencerminkan kelemahan syariah, tetapi mendedahkan keterbatasan teori *fiqh* yang digunakan. Oleh itu, keadilan syariah perlu dinilai berdasarkan kesan sebenar terhadap kesejahteraan komuniti, bukan semata-mata kepatuhan formal terhadap norma hukum.

Jadual 4: Kedudukan Komuniti Orang Asli Sebagai Ujian Kritis Epistemologi

SOALAN TEORETIKAL	JAWAPAN MELALUI KES MELAYU	JAWAPAN MELALUI KES ORANG ASLI	KESIMPULAN FIQH WATAN
Adakah <i>fiqh</i> adil secara universal?	Ya (dalam komuniti stabil)	Tidak (jika seragam)	Universalisme perlu ditapis
Adakah <i>fiqh</i> bergantung struktur?	Kurang ketara	Sangat bergantung	Teori perlu akui struktur
Adakah <i>fiqh</i> berfungsi tanpa institusi?	Tidak diuji	Diuji secara keras	Orang Asli = <i>stress test</i>
Apakah ukuran keadilan?	Kepatuhan formal	<i>Maslahah</i> sebenar	Keadilan kontekstual

Jadual ini menunjukkan bagaimana komuniti Orang Asli boleh dijadikan ujian penting untuk menilai sejauh mana teori *fiqh* benar-benar adil dan sesuai dengan realiti masyarakat. Melalui perbandingan antara komuniti Melayu yang lebih stabil dan komuniti Orang Asli yang lebih terdedah kepada cabaran sosial, jadual ini mendedahkan kelemahan pendekatan *fiqh* yang terlalu seragam. Dalam komuniti Melayu, *fiqh* sering dianggap adil dan berfungsi dengan baik kerana disokong oleh struktur sosial, institusi agama dan tahap pendidikan yang stabil. Namun, apabila pendekatan yang sama digunakan ke atas komuniti Orang Asli, ia menunjukkan masalah. Keadilan *fiqh* tidak lagi jelas jika dinilai secara seragam, kerana komuniti ini sangat bergantung kepada faktor struktur seperti akses pendidikan, ekonomi dan sokongan institusi.

Jadual ini juga menunjukkan bahawa *fiqh* yang kelihatan berfungsi tanpa masalah dalam komuniti dominan sebenarnya belum benar-benar diuji. Komuniti Orang Asli berperanan sebagai “ujian tekanan” yang membuktikan bahawa keadilan tidak boleh diukur hanya melalui kepatuhan formal, tetapi perlu dinilai berdasarkan kesan sebenar terhadap kehidupan masyarakat. Kesimpulannya, analisis ini menegaskan bahawa *fiqh* tidak boleh dianggap universal hanya kerana ia berfungsi dalam komuniti yang stabil. *Fiqh* Watan ditampilkan sebagai kerangka yang membetulkan pendekatan ini dengan menekankan keadilan kontekstual, iaitu keadilan yang mengambil kira realiti sosial, struktur dan keupayaan sebenar sesuatu komuniti.

***Fiqh* Watan Dan Model Governan Islam Negeri Pahang**

***Fiqh* Watan sebagai Kerangka Tadbir Urus Islam Negeri**

Fiqh Watan dalam kajian ini tidak difahami sebagai satu varian mazhab *fiqh* atau pendekatan fatwa mikro, sebaliknya sebagai kerangka tadbir urus Islam yang memandu peranan dan tanggungjawab institusi negeri dalam mengurus kepelbagaian sosial. Dalam kerangka ini, *fiqh* berfungsi sebagai sistem normatif yang membimbing pembentukan dasar, amalan institusi dan hubungan antara negara dengan rakyat, bukan sekadar panduan ibadah individu.

Pendekatan ini selari dengan pandangan bahawa dalam tradisi Islam, hukum dan kuasa politik tidak pernah beroperasi secara terpisah. Sebaliknya, governan Islam dibina atas amanah untuk menjaga masalah awam dan menegakkan keadilan substantif dalam masyarakat (Hallaq, 2009). Oleh itu, *Fiqh* Watan memposisikan negeri sebagai subjek aktif syariah yang bertanggungjawab memastikan bahawa pelaksanaan Islam tidak menzalimi komuniti yang berbeza struktur dan keupayaannya.

Dalam konteks Negeri Pahang, *Fiqh* Watan menyediakan asas normatif untuk memahami bagaimana prinsip Islam boleh diterjemahkan ke dalam dasar dan institusi secara kontekstual, selaras dengan realiti sejarah, budaya dan sosial negeri tersebut.

Aplikasi Governan Berbeza Mengikut Komuniti dalam Kerangka Negeri

Salah satu implikasi utama *Fiqh* Watan terhadap model governan Islam Negeri Pahang ialah pengiktirafan bahawa satu negeri boleh dan perlu mengaplikasikan *fiqh* secara berbeza mengikut komuniti, tanpa menjejaskan kesatuan prinsip Islam. Perbezaan ini bukan bentuk pengecualian hukum, tetapi manifestasi keadilan kontekstual yang berasaskan *maqasid al-syari'ah*.

Bagi komuniti Melayu Islam arus perdana, governan Islam negeri boleh beroperasi melalui institusi formal seperti mahkamah syariah, masjid, sistem pendidikan agama dan mekanisme ekonomi Islam. Struktur ini membolehkan *fiqh* diaplikasikan secara lebih menyeluruh kerana komuniti tersebut memiliki prasyarat sosial dan institusi yang relatif stabil.

Sebaliknya, bagi komuniti Orang Asli, *Fiqh* Watan menuntut pendekatan governan yang lebih fleksibel dan berperingkat. Negeri berperanan sebagai pendamping sosial yang membina kapasiti pendidikan, ekonomi dan kefahaman agama sebelum menilai pematuhan formal. Pendekatan ini mengelakkan penghukuman kelemahan struktur dan selari dengan prinsip *raf' al-haraj* yang menuntut agar hukum tidak membebankan komuniti melebihi keupayaan mereka (Al-Shatibi, 2004; Kamali, 2008).

Implikasi *Fiqh* Watan terhadap Dasar Awam Negeri

Pelaksanaan *Fiqh* Watan sebagai kerangka governan Islam membawa implikasi langsung terhadap pembentukan dasar awam di Negeri Pahang. Dalam dasar agama, *Fiqh* Watan menggesa agar kejayaan pelaksanaan Islam tidak diukur semata-mata berdasarkan tahap pematuhan formal, tetapi berdasarkan keberkesanan pembinaan iman, akhlak dan kesejahteraan sosial masyarakat.

Dalam dasar sosial, *Fiqh* Watan menegaskan bahawa kelemahan struktur komuniti seperti kemiskinan, keterasingan geografi dan keterbatasan akses pendidikan merupakan tanggungjawab governan, bukan kegagalan moral individu. Oleh itu, dasar sosial Islam perlu berorientasikan pemerkasaan dan pembangunan kapasiti, selaras dengan *maqasid* pemeliharaan nyawa, akal dan harta (Kamali, 2008).

Dalam dasar dakwah, *Fiqh* Watan menekankan pendekatan empatik, dialogikal dan berjangka panjang, khususnya dalam konteks komuniti minoriti. Dakwah tidak difahami sebagai penilaian segera terhadap kepatuhan, tetapi sebagai proses pembinaan hubungan dan kepercayaan yang berterusan. Pendekatan ini selari dengan dapatan kajian antropologi Islam yang menunjukkan bahawa keberkesanan dakwah sangat bergantung kepada keserasian antara mesej agama dan realiti sosial komuniti (Bowen, 2012).

***Fiqh* Watan sebagai Model Governan Rahmah dan Keadilan Sosial**

Secara keseluruhan, *Fiqh* Watan membentuk satu model governan *rahmah* yang menolak pendekatan punitif dan mengangkat keadilan sosial sebagai teras pelaksanaan syariah. Model ini menegaskan bahawa keadilan Islam tidak terletak pada keseragaman aplikasi hukum, tetapi pada keupayaan governan untuk melindungi *maslahah* semua lapisan masyarakat secara berperingkat dan berperikemanusiaan.

Dalam kerangka ini, *Fiqh* Watan berfungsi sebagai mekanisme normatif yang membimbing negeri dalam membuat keputusan dasar yang sensitif terhadap konteks, tanpa terjerumus ke dalam relativisme moral. Ia menyediakan jalan tengah antara universalisme prinsip Islam dan kepelbagaian realiti sosial, selaras dengan tuntutan *maqasid al-syari'ah* dan etika pemerintahan Islam.

Model governan Islam Negeri Pahang yang berasaskan *Fiqh* Watan berpotensi menjadi rujukan bagi wilayah lain yang berhadapan dengan cabaran serupa dalam mengurus masyarakat majmuk. Dengan itu, *Fiqh* Watan bukan sahaja menyumbang kepada wacana *fiqh*, tetapi juga kepada pembangunan model governan Islam yang praktikal, berkeadilan dan berakar dalam realiti tempatan.

Perbincangan Teoretikal

***Fiqh* Watan dan Penolakan Universalisme *Fiqh* yang Kaku**

Perbincangan teoretikal kajian ini menegaskan bahawa pendekatan universalisme *fiqh* yang kaku iaitu kecenderungan untuk mengaplikasikan hukum Islam secara seragam tanpa mengambil kira perbezaan konteks sosial tidak selari dengan falsafah dan tujuan syariah (Al-Syatibi, 2004). Walaupun Islam bersifat sejagat dari sudut aqidah dan nilai, tradisi *fiqh* tidak pernah memisahkan pelaksanaan hukum daripada realiti kehidupan manusia yang sentiasa berubah (Al-Raysuni, 2013; Ramadan, 2009; Abu Zahrah, 1998).

Pendekatan berasaskan *maqasid al-syari'ah* menegaskan bahawa keadilan syariah tidak terletak pada keseragaman perlaksanaan hukum, tetapi pada keupayaannya merealisasikan *maslahah* dan mengangkat kesukaran dalam konteks sebenar masyarakat (Al-Syatibi, 2004). Analisis perbandingan dalam kajian ini menunjukkan bahawa keseragaman yang dipaksakan berisiko menghasilkan ketidakadilan substantif, khususnya apabila standard *fiqh* masyarakat dominan diaplikasikan ke atas komuniti yang berbeza tahap *istita'ah* dan struktur sosialnya.

Dalam konteks ini, *Fiqh* Watan berfungsi sebagai kritikan epistemologi terhadap *fiqh* yang difahami secara ahistoris dan legalistik. Ia menegaskan bahawa *fiqh* mesti dinilai bukan hanya dari segi kesahihan normatif, tetapi juga dari segi keberkesanan sosial dan keadilan substantif dalam realiti kehidupan masyarakat majmuk.

***Fiqh* Watan sebagai Sumbangan kepada Teori Governan Islam**

Dari sudut teori governan Islam, kajian ini menyumbang dengan memperluas peranan *fiqh* daripada sistem hukum individu kepada kerangka tadbir urus Islam yang menyeluruh. Dalam tradisi Islam, *fiqh* berfungsi sebagai sistem moral yang membimbing kuasa politik dan institusi sosial dalam menjaga *maslahah* awam, bukan sekadar sebagai kod perundangan formal (Hallaq, 2009).

Fiqh Watan menegaskan bahawa kegagalan struktur sosial seperti kemiskinan, keterasingan dan ketiadaan akses institusi tidak boleh ditafsir sebagai kegagalan moral individu atau komuniti. Sebaliknya, kegagalan tersebut merupakan isu governan yang menuntut intervensi negara secara empatik dan berperingkat. Pendekatan governan Islam yang berorientasikan penguatkuasaan semata-mata berisiko menyalahi tujuan syariah kerana ia menghukum kesan, bukan menangani punca (Mohd Yusri, 2025 ; Shakir Hussain & Ashfaq Ahmed, 2025).

Dalam kerangka ini, *Fiqh* Watan memperkenalkan konsep governan *rahmah* iaitu tadbir urus yang menekankan pemeraksanaan, pembangunan kapasiti dan keadilan sosial sebagai teras pelaksanaan Islam. Pendekatan ini membolehkan *fiqh* berfungsi sebagai rujukan dasar awam yang bersifat praktikal dan berdaya guna dalam konteks masyarakat majmuk moden. Pada masa yang sama, ia mengekalkan ketegasan prinsip moral Islam tanpa terjebak dalam relativisme nilai, serta mengelakkan kecenderungan punitivisme institusional yang menekankan penguatkuasaan hukuman secara kaku tanpa pertimbangan terhadap realiti sosial dan keupayaan masyarakat (Kamali, 2008).

Fiqh Orang Asli sebagai Ujian Kritis terhadap Teori *Fiqh* dan Governan Islam

Komuniti Orang Asli bukan sekadar kes aplikasi *fiqh*, tetapi berfungsi sebagai ujian kritis epistemologi terhadap keabsahan teori *fiqh* dan model governan Islam. Sebagai komuniti berstruktur sosial lemah, Orang Asli menyediakan medan paling mencabar untuk menilai sama ada sesuatu kerangka *fiqh* benar-benar merealisasikan keadilan substantif atau hanya berfungsi dalam komuniti dominan yang stabil.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa teori *fiqh* yang hanya berfungsi secara berkesan dalam konteks masyarakat majoriti, tetapi gagal berfungsi secara adil dalam konteks komuniti Orang Asli, tidak boleh dianggap sebagai teori *fiqh* yang matang atau universal. Kegagalan ini mendedahkan batasan pendekatan *fiqh* konvensional yang terlalu bergantung kepada prasyarat sosial dan institusi tertentu, serta mengabaikan perbezaan *istita'ah*, *'urf* dan kosmologi kehidupan komuniti (Hassan, 2023).

Dalam konteks Orang Asli, aplikasi *fiqh* yang tidak sensitif terhadap realiti struktur berisiko menukar hukum menjadi instrumen ketidakadilan struktur. Keadaan ini bercanggah dengan prinsip *maassid al-syari'ah* yang menuntut agar hukum berfungsi untuk melindungi *maslahah* dan mengelakkan kemudaratan (Al-Syatibi, 2004). Oleh itu, kajian ini berhujah bahawa komuniti Orang Asli perlu diangkat sebagai subjek epistemik dalam kajian *fiqh* kontemporari. Dalam hal ini, *Fiqh* Watan muncul sebagai keperluan epistemologi yang membolehkan *fiqh* diuji, diperhalusi dan dioperasionalkan secara adil dalam masyarakat majmuk. Kerangka ini memastikan bahawa *fiqh* berfungsi sebagai sistem moral dan governan yang berperikemanusiaan, bukan sekadar sebagai mekanisme peraturan yang bersifat eksklusif.

Formula *Fiqh* Watan bagi Komuniti Orang Asli

Dalam kerangka *Fiqh* Watan, aplikasi *fiqh* terhadap komuniti Orang Asli perlu difahami sebagai proses pembinaan keadilan secara berperingkat, bukan sebagai pemindahan langsung standard *fiqh* masyarakat dominan. *Fiqh* Orang Asli tidak bertujuan membentuk kepatuhan formal secara segera, tetapi berfungsi sebagai instrumen pemeraksanaan moral, sosial dan spiritual yang selari dengan realiti pemikiran, budaya dan struktur kehidupan komuniti tersebut (Hassan, 2020).

Pendekatan ini berasaskan prinsip *maqasid al-syari'ah* yang menegaskan bahawa hukum diturunkan bagi merealisasikan *maslahah* dan mengangkat kesukaran (*raf' al-haraj*), bukan untuk membebankan manusia di luar kemampuan mereka (Al-Syatibi, 2004; Kamali, 2008). Dalam konteks Orang Asli yang berhadapan dengan keterbatasan struktur pendidikan, ekonomi dan institusi, *Fiqh* Watan menuntut agar *fiqh* diaplikasikan berdasarkan tahap *istita'ah* sebenar, bukan jangkaan normatif ideal.

Prinsip *Tadarruj* dan Keutamaan Asas (*Daruriyyat* dahulu)

Fiqh Watan menekankan pendekatan *tadarruj* (berperingkat), dengan memberi keutamaan kepada pembinaan asas tauhid, nilai moral, kebersihan, kejujuran dan hubungan sosial sebelum menekankan aspek ritual dan perincian hukum. Pendekatan ini selari dengan kerangka *maqasid* yang meletakkan pemeliharaan agama, nyawa dan akal sebagai asas kepada pelaksanaan syariah (Al-Ghazali, 1993).

Pengiktirafan ‘*Urf* Orang Asli sebagai ‘*Urf* Watan

Fiqh Watan mengiktiraf bahawa banyak amalan sosial Orang Asli seperti hubungan komuniti dengan alam, nilai kebersamaan dan etika tidak merosakkan persekitaran tidak bercanggah dengan prinsip syariah. Oleh sebab realiti sosial dan budaya Orang Asli mempunyai konteks tersendiri, adat dan amalan hidup mereka (‘*urf* Orang Asli) tidak wajar terus dianggap salah atau tidak sah dari sudut syariah sejak awal. Sebaliknya, adat tersebut perlu dinilai berdasarkan isi, tujuan dan kesannya yang sebenar, sama ada ia membawa kebaikan atau kemudharatan, serta sejauh mana ia bercanggah atau selari dengan prinsip asas syariah (Hassan, 2020). Literatur antropologi Islam menunjukkan bahawa keberkesanan hukum dan dakwah sangat bergantung kepada keserasian dengan struktur simbolik dan budaya tempatan (Al-Suyuti, 1998).

Fiqh sebagai Pemudahcara, Bukan Alat Penguatkuasaan

Dalam *Fiqh* Watan, *fiqh* Orang Asli tidak berfungsi sebagai instrumen penguatkuasaan atau penghukuman kelemahan struktur. Sebaliknya, ia berperanan sebagai pemudahcara transformasi sosial, di mana negara dan institusi agama bertindak sebagai pendamping (enabler) yang membina kapasiti pendidikan, ekonomi dan kefahaman agama secara jangka panjang. Pendekatan ini selari dengan konsep syariah sebagai sistem moral dan governan, bukan sekadar undang-undang punitif (Hallaq, 2009).

Penilaian Kepatuhan Berasaskan Konteks, Bukan Standard Homogen

Fiqh Watan menolak penilaian kepatuhan agama yang bersifat homogen. Dalam konteks Orang Asli, kegagalan mematuhi aspek tertentu *fiqh* tidak boleh ditafsir sebagai kegagalan moral, tetapi perlu difahami sebagai refleksi keterbatasan struktur dan akses kepada sumber keagamaan. Pendekatan ini mengekalkan keadilan substantif tanpa mengorbankan prinsip normatif Islam (Hassan, 2020; Sabil et al., 2024).

Jadual 5: Matriks Sintesis Perbincangan Teoretikal *Fiqh* Watan

ISU TEORETIKAL	PENDEKATAN <i>FIQH</i> KONVENSIONAL	MASALAH YANG TERDEDAH	RESPONS <i>FIQH</i> WATAN
Universalisme <i>fiqh</i>	Standard seragam dianggap adil	Gagal dalam komuniti berstruktur lemah	Universalisme ditapis melalui konteks
Taklif & <i>istita'ah</i>	Taklif diasaskan pada norma ideal	<i>Istita'ah</i> sebenar diabaikan	<i>Istita'ah</i> dijadikan asas aplikasi
Keadilan syariah	Keseragaman perlaksanaan	Ketidakadilan substantif	Keadilan kontekstual
Peranan negara	Penguatkuasaan hukum	Menghukum kesan, bukan punca	Negara sebagai penanggung maslahah
Fungsi <i>fiqh</i>	Kod hukum	Punitif & legalistik	Sistem moral & governan

Jadual ini mensintesiskan isu-isu teoretikal utama yang timbul daripada analisis kajian ini dengan membandingkan pendekatan *fiqh* konvensional dan respons yang ditawarkan oleh *Fiqh Watan*. Jadual ini menunjukkan bahawa banyak masalah dalam aplikasi *fiqh* bukan berpunca daripada kekurangan prinsip syariah, tetapi daripada pendekatan universalisme *fiqh* yang mengandaikan keseragaman konteks sosial dan tahap *istita'ah* masyarakat.

Analisis ini menegaskan bahawa apabila *fiqh* diaplikasikan tanpa penilaian konteks, ia cenderung menghasilkan ketidakadilan substantif, khususnya dalam komuniti berstruktur lemah. Oleh itu, *Fiqh Watan* berfungsi sebagai mekanisme pembetulan teori dengan meletakkan konteks sosial dan keupayaan komuniti sebagai sebahagian daripada asas normatif aplikasi hukum. Jadual ini mengukuhkan hujah bahawa keadilan syariah tidak boleh dinilai semata-mata melalui keseragaman pelaksanaan, tetapi melalui keberkesanan *fiqh* dalam merealisasikan masalah sebenar.

Jadual 6: Peralihan Teori: Daripada *Fiqh* Legalistik Kepada *Fiqh* Governan (*Fiqh Watan*)

DIMENSI TEORI	FIQH LEGALISTIK	FIQH WATAN	IMPLIKASI EPISTEMOLOGI
Asas penilaian	Kepatuhan formal	Masalah sebenar	Ubah kriteria keadilan
Unit analisis	Individu	Komuniti & struktur	<i>Fiqh</i> jadi sosial
Pendekatan	Penguatkuasaan	Pemeriksaan	Tadbir urus rahmah
Masa	Serta-merta	Berperingkat (tadarruj)	Keadilan jangka panjang
Hasil	Hukuman / patuh	Pembangunan insan	<i>Fiqh</i> berfungsi

Jadual ini menggambarkan peralihan paradigma yang lebih mendalam daripada *fiqh* legalistik kepada *fiqh* yang berfungsi sebagai kerangka governan. Analisis ini menunjukkan bahawa pendekatan *fiqh* legalistik cenderung menilai kejayaan hukum berdasarkan kepatuhan formal individu, sedangkan pendekatan *Fiqh Watan* menilai keberkesanan *fiqh* melalui kesan sosial jangka panjang terhadap komuniti.

Peralihan ini membawa implikasi epistemologi yang penting, iaitu perubahan kriteria penilaian keadilan daripada ukuran normatif yang sempit kepada ukuran masalah dan kesejahteraan sosial. Jadual ini mengesahkan bahawa *Fiqh Watan* bukan sekadar pelarasan metodologi, tetapi merupakan transformasi epistemologi yang memperluas fungsi *fiqh* daripada sistem peraturan kepada sistem tadbir urus Islam yang berorientasikan pembangunan insan dan keadilan kontekstual.

Jadual 7: *Fiqh* Orang Asli Sebagai Ujian Kritis Epistemologi Teori *Fiqh*

SOALAN EPISTEMOLOGI	JIKA TEORI FIQH GAGAL	DAPATAN DARIPADA KES ORANG ASLI	IMPLIKASI TEORI
Adakah <i>fiqh</i> benar-benar adil?	Ya, secara normatif	Tidak, jika seragam	Teori perlu diperhalusi
Adakah <i>fiqh</i> bebas struktur sosial?	Diandaikan ya	Hakikatnya tidak	Struktur mesti diakui
Adakah <i>fiqh</i> boleh dipindahkan?	Secara langsung	Tidak tanpa penyesuaian	Perlu <i>fiqh</i> wilayah
Siapa subjek teori <i>fiqh</i> ?	Individu ideal	Komuniti rentan	Subjek epistemik diperluas

Jadual ini memposisikan komuniti Orang Asli sebagai ujian kritis epistemologi terhadap teori *fiqh* dan governan Islam. Analisis jadual ini menunjukkan bahawa banyak andaian asas dalam teori *fiqh* seperti kebebasan *fiqh* daripada struktur sosial dan kebolehpindahan aplikasi hukum secara langsung tidak dapat dipertahankan apabila diuji dalam konteks komuniti berstruktur lemah.

Dapatan ini membawa kepada implikasi teoretikal yang signifikan, iaitu bahawa teori *fiqh* yang hanya berfungsi dalam komuniti dominan dan stabil belum boleh dianggap matang atau universal. Sebaliknya, komuniti Orang Asli mendedahkan batasan teori sedia ada dan memaksa *fiqh* dinilai semula dari sudut keadilan substantif. Dalam konteks ini, *Fiqh Watan* berperanan sebagai kerangka yang membolehkan *fiqh* diuji, diperhalusi dan dipertanggungjawabkan secara epistemik.

Jadual 8: Sumbangan Teoretikal *Fiqh Watan* kepada Wacana *Fiqh* dan Governan Islam

BIDANG WACANA	SUMBANGAN BAHARU <i>FIQH</i> WATAN	TAHAP SUMBANGAN
Teori <i>fiqh</i>	<i>Fiqh</i> sebagai sistem governan wilayah	Konseptual baharu
<i>Maqāṣid</i>	Keadilan kontekstual berperingkat	Pengayaan teori
Governan Islam	Negara sebagai enabler, bukan hakim	Pembetulan paradigma
Kajian minoriti	Orang Asli sebagai ujian epistemik	Inovasi metodologi

Jadual ini merumuskan sumbangan teoretikal utama *Fiqh Watan* terhadap wacana *fiqh* dan governan Islam secara lebih luas. Jadual ini menunjukkan bahawa *Fiqh Watan* bukan sekadar menyumbang kepada satu kes aplikasi tempatan, tetapi menawarkan pembaharuan konseptual yang merentas beberapa bidang, termasuk teori *fiqh*, *maqasid al-syari'ah*, governan Islam, kajian minoriti dan wacana pascakolonial Islam.

Analisis ini menegaskan bahawa kekuatan utama *Fiqh Watan* terletak pada keupayaannya mengintegrasikan prinsip normatif Islam dengan realiti sosial wilayah secara sistematik. Dengan mengangkat komuniti minoriti seperti Orang Asli sebagai subjek epistemik, *Fiqh Watan* menyumbang kepada pembinaan teori *fiqh* yang lebih inklusif, berkeadilan dan relevan dengan cabaran masyarakat majmuk kontemporari. Jadual ini secara langsung menjadi jambatan konseptual kepada bahagian kesimpulan dan sumbangan kajian.

Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa *Fiqh Watan* merupakan satu kerangka *fiqh* dan governan Islam yang mampu menangani ketegangan antara keseragaman normatif hukum dan kepelbagaian realiti sosial dalam masyarakat majmuk. Melalui analisis konseptual dan perbandingan aplikasi *fiqh* terhadap komuniti Melayu dan komuniti Orang Asli di Negeri Pahang, kajian ini menunjukkan bahawa keadilan syariah tidak boleh direalisasikan melalui pendekatan seragam yang mengabaikan perbezaan struktur sosial, *istita'ah*, *'urf* dan kosmologi kehidupan komuniti. Dapatan utama kajian ini menegaskan bahawa *fiqh* yang berfungsi secara berkesan dalam komuniti dominan yang stabil tidak semestinya adil apabila diaplikasikan terhadap komuniti berstruktur lemah seperti Orang Asli. Dalam konteks ini, komuniti Orang Asli tidak boleh dilihat sekadar sebagai penerima dasar atau kes pinggir, sebaliknya perlu diangkat sebagai

ujian kritis epistemologi terhadap keabsahan teori *fiqh* dan model governan Islam. Sekiranya sesuatu kerangka *fiqh* gagal berfungsi secara adil dalam konteks komuniti ini, kegagalan tersebut mencerminkan keterbatasan teori, bukan kelemahan komuniti.

Fiqh Watan menawarkan respons epistemologi yang penting dengan menstrukturkan *fiqh* sebagai sistem moral dan governan yang berteraskan *maqasid al-syari'ah*, realiti sosial setempat dan tanggungjawab negara dalam memelihara masalah awam. Pendekatan ini menolak punitivisme institusional dan menggantikannya dengan governan rahmah iaitu tadbir urus yang mengutamakan pemeraksanaan, pembinaan kapasiti dan keadilan substantif secara berperingkat. Dalam konteks *Fiqh* Orang Asli, *Fiqh* Watan berfungsi sebagai formula *fiqh* Islam yang tidak menyusahkan (*raf' al-haraj*), selari dengan realiti pemikiran dan budaya tempatan, serta berorientasikan pembangunan insan jangka panjang.

Secara keseluruhan, kajian ini menyumbang kepada wacana *fiqh* dan governan Islam dengan memperkenalkan *Fiqh* Watan sebagai kerangka konseptual yang boleh dipindahkan (transferable) ke konteks wilayah lain yang berhadapan dengan cabaran kepelbagaian sosial dan pascakolonial. Kajian lanjutan dicadangkan untuk menguji keberkesanan kerangka ini melalui penyelidikan lapangan empirikal, perbandingan antara negeri, serta penerokaan aplikasi *Fiqh* Watan terhadap komuniti minoriti lain dalam dunia Islam.

Rujukan

- Al-Attas, S. M. N. (1995). *Prolegomena to the metaphysics of Islam*. ISTAC.
- Al-Alwani, T. J. (2005). *Issues in contemporary Islamic thought*. International Institute of Islamic Thought.
- Al-Ghazali, A. H. M. M. (1993). *Al-Mustasfa min 'ilm al-usul*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan 'Ali bin Muhammad bin Habib. (1996). *Al-ahkam al-sultaniyyah wa al-wilayat al-diniyyah*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Raysuni, A. (1995). *Nazariyyat al-maqasid 'inda al-imam al-Syatibi*. Dar al-'Alamiyyah li al-Kitab al-Islami.
- Al-Raysuni, A. (2013). *Madkhal ila maqasid al-syari'ah*. Dar al-Kalimah.
- Al-Syatibi, A. I. (2004). *Al-Muwafaqat fi usul al-syari'ah*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Suyuti, J. D. (1998). *Al-Ashbah wa al-naza'ir fi qawa'id wa furu' fiqh al-Syafi' iyyah*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu Zahrah, M. (2003). *Usul al-fiqh*. Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Asad, T. (2003). *Formations of the secular: Christianity, Islam, modernity*. Stanford University Press.
- Azman Yusof, Ibrahim Majdi Mohd kamil, Amran Muhammad & Rahimin Affandi Abdul Rahim (2025), *Fiqh al-watan dan legitimasi Islam tempatan: Satu kerangka dekolonisasi*, *International Journal of The Malay World and Civilisation*, 13(3), 53–64.
- Bowen, J. R. (2012). *Islam, law, and equality in Indonesia: An anthropology of public reasoning*. Cambridge University Press.
- Hallaq, W. B. (2009). *An introduction to Islamic law*. Cambridge University Press.
- Hassan, P., & Ramli, M. A. (2020). Pertimbangan uruf dalam interaksi tradisi masyarakat orang asli di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(2), 170-188.
- Hassan, P., Ramli, M. A., Yusof, M. Y., Zainal Abidin, M. Z. H., Razak, M. I., Mohamed Noh, A. M., & Mohd Yaacob, H. R. (2023). Konsep asas taysir dalam menangani isu fiqh masyarakat Islam orang asli. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 5(2), 154-162.

- Hooker, M. B. (2003). *Indonesian Islam: Social change through contemporary fatwas*. University of Hawai'i Press.
- Ibn 'Abd al-Salam, 'I. (1999). *Qawa'id al-ahkam fi masalih al-anam*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Ibn 'Asyur, M.T. (2006). *Maqasid al-syari'ah al-Islamiyyah*. Dar al-Nafa'is.
- Ibrahim Majdi Mohamad Kamil, Azman Yusof, Amran Muhammad & Rahimin Affandi Abdul Rahim (2025). Perkembangan teori Fiqh al-Watan di Negeri Pahang: Satu pemerhatian epistemologikal. *International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies*, 3(3), 171-186.
- Kamali, M. H. (2008). *Shari'ah law: An introduction*. Oneworld Publications.
- Khallaf, A.W. (2003). *Ilm usul al-fiqh*. Dar al-Qalam.
- Majdi Mohamad Kamil, I., Yusof, A., Muhammad, A., & Abdul Rahim, R. A. (2025). Perkembangan teori fiqh al-watan di negeri Pahang: Satu pemerhatian epistemologikal. *International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies (IJWCPS)*, 3, 171–186.
- Mohd Yusri Ibrahim. (2025). Fiqh kesejahteraan dan toleransi: Kajian terhadap pengaruh undang-undang syariah dalam mewujudkan kesejahteraan ummah. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-10* (pp. 755-762).
- Muhammad Yusri Yusof. (2022). *Analisis kearifan tempatan dalam adat kematian masyarakat Melayu dari pespektif hukum Islam* [Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya].
- Nurul Ain Norman & Mohammad Ruhullah. (2024). Exploring the ethical dimensions of fiqh: The role of the soul in achieving maqasid al-shari'ah. *Al-Shajarah*, 29(1), 47-77.
- Paiz Hassan & Mohd Anuar Ramli. (2020). Isolasi sosio-budaya masyarakat orang asli di Malaysia dan kesannya terhadap pentafsiran hukum Islam. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 21(1), 1-20.
- Paiz Hassan. (2023). *Pembinaan model fiqh orang asli di negeri Perak*, [Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya].
- Rahim, R. A. A., Mohamad, S., Ismail, P., & Dahlal, N. H. M. (2010). Konsep fiqh Malaysia dalam perundangan Islam: Satu pengenalan. *Kajian Malaysia*, 28(2). 1-38.
- Ramadan, T. (2009). *Radical reform: Islamic ethics and liberation*. Oxford University Press.
- Ramli, M.A., Mustapha, A., Kasa, A. R., Abd Razak, M. I., Hassan, P., Abidin, M. Z. H.Z. & Salleh, M.Y.Y. (2025). Fiqh Watan dan identiti keislaman masyarakat Melayu Pahang: Suatu kajian berasaskan kearifan tempatan. *Islamic Journal Of Cultural Studies (IJCS)*, 1(1), 1-16.
- Sabil Mokodenseho et al. (2024). Analysis of the Influence of fiqh and maqasid al-syariah in the formation of Islamic Legal Policy in Indonesia. *West Science Islamic Studies*, 2(1), 30~37.
- Siti Fatimah Salleh. (2015). Pengambilkiraan faktor perubahan sosial dalam fiqh semasa: Analisis terhadap isu-isu fiqh wanita [Doctoral thesis, University of Malaya].
- Yusof, M. Y., & Ramli, M. A. (2020). Kearifan Tempatan dalam Adat Kematian Masyarakat Melayu dari perspektif Uruf: Local Wisdom in Death Customs Among Malay Community from the'URF Perspective. *Journal of Fatwa Management and Research*, 21(1), 21-37..